

BABIN

Bab IV

Analisis Data

1. Adat-Istiadat Tradisional Jawa

1.1 Adat-Istiadat Kelahiran

a. Upacara Slametan Ketika Hamil

Menurut tradisi dalam masyarakat Jawa, apabila seseorang wanita sedang hamil akan diadakan berbagai upacara slametan. Upacara ini perlu dilaksanakan agar bayi yang dikandung akan lahir dengan mudah dan selamat seterusnya mendapat kebahagiaan hidup dikemudian hari.¹

Upacara adat yang pertama akan diadakan apabila usia kandungan genap tujuh bulan di mana akan diadakan *upacara tingkeban*² atau disebut juga *slametan mitoni*.³ Hidangan untuk slametan ini terdiri daripada tujuh jenis nasi tumpeng, tujuh jenis lauk-pauk dan tujuh jenis juadah kuih-muih yang berbagai warna.⁴ Bilangan tujuh diambil sempena kandungan si ibu yang berusia tujuh bulan dan hidangan slametan ini juga mengandungi maknanya yang tersendiri iaitu melambangkan kelahiran yang cepat dan selamat. Misalnya di antara hidangan tersebut ada

¹ Thomas Wiyasa Bratawidjaja (1988), *Upacara Tradisional Masyarakat Jawa*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, h. 11

² "Upacara Tingkeban" adalah salah satu tradisi masyarakat Jawa. Ianya diadakan apabila usia kandungan siibu berusia 7 bulan pada kehamilan yang pertama.

³ Istilah "mitoni" berasal dari kata "pitu" yang bererti tujuh.

⁴ Koentjaraningrat (1984), *Kebudayaan Jawa*. Jakarta: PN Balai Pustaka, h. 350

dihidangkan dengan *jenang procot*⁵ (keluar) yang bermaksud agar bayi akan lahir dengan mudah kelak.⁶

Dalam masyarakat Jawa, slametan mitoni akan diadakan pada hari *Setu Wage* (Sabtu = Wage) ketika usia kandungan tujuh bulan di mana ianya mengandungi persamaan dengan istilah *metu age* iaitu “lekas keluar”.⁷ Dalam upacara tersebut, si ibu yang hamil akan dimandikan dengan air kembang setaman serta dibacakan doa-doa yang khusus. Doa-doa tersebut bertujuan untuk memohon kepada Tuhan agar selalu memberikan rahmat-Nya sehingga bayi dilahirkan dengan keadaan selamat tanpa sebarang gangguan yang tidak diingini.⁸ Selepas upacara mitoni diadakan, si ibu harus mematuhi berbagai syarat dan pantang larang antaranya mencuci rambut seminggu sekali dengan *air merang* yang telah dibaca dengan mantera. Si ibu juga diharuskan meminum jamu setiap minggu dan *air tajin* pada setiap hari.⁹ Disamping memenuhi syarat-syarat di atas, bakal ibu dan ayah juga dinasihatkan agar berhati-hati dalam melakukan sebarang aktiviti harian agar kandungan terselamat daripada sebarang bala.¹⁰

Apabila kandungan si ibu mencecah sembilan bulan, satu slametan akan diadakan yang dinamakan slametan *mumuli sedherek* untuk menghormati saudara-saudara kembar anak yang belum lahir itu. *Toya Kawah* (air ketuban) dianggap sebagai *sedherek sepuh* (saudara kandung yang paling tua) manakala uri dianggap sebagai *sedherek enem* (adik). Orang Jawa menganggap keduanya akan menjadi roh

⁵ *Jenang procot* ialah *jenang* yang dibuat daripada tepung beras, dicampur dengan air gula kelapa yang diperuk.

⁶ Koentjaraningrat, *op. cit.*, h. 350.

⁷ Thomas Wiyasa Bratawidjaja (1977), *Mengungkap dan Mengenal Budaya Jawa*. Jakarta: PT Pradnya Paramita, h. 118.

⁸ Thomas, *loc. cit.*, h. 21

⁹ *Ibid.*

¹⁰ Koentjaraningrat *op. cit.*, h. 351.

pelindung kepada bayi yang akan lahir nanti.¹¹ Disamping itu juga, beberapa minggu sebelum kelahiran bayi, bakal ibu harus minum jamu temulawak tiga kali sehari.

b. Menyambut Kelahiran Bayi

Dalam masyarakat Jawa, cara melahirkan bayi secara tradisional adalah dengan posisi duduk.¹² Dalam cara tradisional ini, suami wanita yang akan melahirkan bayi harus membantu memegang isterinya untuk berada dalam posisi tersebut. Setelah bayi dilahirkan, bidan akan memotong tali pusat dengan sebilah pisau yang dibuat daripada buluh sambil membaca mantera. Selepas itu bayi akan dimandikan dan kemudiannya dibungkus dengan sehelai kain seterusnya akan diberi minum ramuan yang dicampur dengan madu dan daun kelor.

Kemudian, bidan akan membersihkan uri bayi dan kemudiannya akan dimasukkan ke dalam sebuah bekas yang dibuat daripada tanah liat. Sekiranya uri tersebut ialah uri bayi lelaki ianya akan ditanam di belakang rumah dan uri bayi perempuan pula akan ditanam di sebelah kanan halaman rumah beserta dengan beberapa “benda” sebagai tanda seperti sehelai kertas bertuliskan aksara Jawa yang ditulis dengan jarum atau *canthing*.

Dalam masyarakat Jawa tradisional, selagi tali pusat bayi belum tanggal, ayah bayi dan anggota keluarga harus berjaga malam (*lek-lekan*) dan biasanya mereka akan ditemani oleh kaum kerabat, jiran tetangga dan sahabat handai yang terdekat. Setelah pusat bayi tertanggal, upacara *puput puser* akan diadakan pada malamnya. Sehelai

¹¹ *Ibid.*

¹² *Ibid.*, h. 352

benang panjang akan dibentangkan di sekeliling rumah manakala daun nenas atau daun pandan yang berduri dan telah dicat putih akan digantungkan di atas pintu. Obor-obor pula akan dinyalakan di hadapan dan belakang rumah untuk menerangi kawasan rumah. Bayi pula akan dikelilingi dan dipagar dengan bendera yang berwarna-warni serta permainan kanak-kanak. Kemudian setiap orang yang hadir akan bergilir-gilir memangku bayi sehingga ia tidur.

Tali pusat yang telah tertanggäl dan telah kering akan dibungkus dengan kain bersama rempah-rempah dan kemudian dijahit rapat menjadi *jimat*¹³ yang dianggap mengandungi kekuatan ghaib.¹⁴ Slametan yang diadakan selepas tanggalnya tali pusat dinamakan *Slametan Puput Puser*.¹⁵

c. Upacara Pemberian Nama

Pada hari kelahiran bayi juga akan diadakan suatu slametan pemberian nama iaitu *Slametan Brokohan*. Berbeza dengan golongan *Santri*, mereka akan mengadakan upacara pemberian nama pada hari ketujuh kelahiran bayi di mana pada hari tersebut juga akan dilakukan upacara *kekah* ('aqiqah) dan mencukur rambut.

Umumnya adat istiadat memberi nama ke atas seorang anak bergantung kepada kedudukan sosial ahli keluarga. Contohnya keluarga petani tidak akan memberi nama anak-anak mereka yang berakhir dengan ...Kusuma, ...Tanaya atau ...Ningrat kerana nama-nama tersebut hanya untuk golongan priyayi atau bangsawan

¹³ Istilah "jimat" diambil daripada perkataan bahasa 'Arab yang bererti 'azimah. Tujuan "jimat" dibuat adalah untuk menghindari gangguan roh-roh jahat agar dapat menempuh kehidupan dengan tenteram.

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ Thomas, *op. cit.*, h. 15.

yang dianggap tidak setaraf dengan kedudukan mereka sebagai golongan bawahan.¹⁶ Ianya bukan sahaja bimbang akan ditertawakan oleh masyarakat tetapi mereka mempercayai nama-nama tersebut boleh membawa sial kerana ‘terlalu berat’ (*kawratan nami*). Golongan petani biasanya hanya memberikan nama-nama yang singkat sahaja kepada anak-anak yang baru lahir. Nama-nama tersebut biasanya dirujuk kepada hari kelahiran bayi seperti Ponimin, Poniyah, Poniym, Legimen, Legiyah, Leginem yang bedasarkan kepada hari dan kalendar Jawa iaitu Pon dan Legi.¹⁷ Bagi golongan yang berkedudukan tinggi dalam masyarakat, nama anak-anak diambil daripada cerita-cerita wayang atau dari kesusasteraan Jawa seperti Sukarno, Suroto, Suhadi, Suriyati, Lestari atau Kartini.¹⁸

Apabila bayi berumur 35 hari, akan diadakan suatu upacara yang dianggap penting bagi orang Jawa iaitu upacara *nyelapani*¹⁹ (dari kata selapan = 35) jatuh pada hari *weton*²⁰ yang pertama. Bagi orang Jawa, mereka menganggap weton adalah sangat penting terutamanya dalam menentukan tarikh hari pernikahan ataupun hari-hari penting yang lain. Bagi penganut agama Jawi pula samada di desa atau di kota, mereka menganggap adalah tidak baik apabila terdapat ahli keluarga yang sama wetonnya. Kedaaan ini dianggap sangat berbahaya dan harus dilakukan suatu upacara khusus bagi mengimbanginya

¹⁶ Koentjaraningrat, *op. cit.*, h. 105

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ Budiono, *op. cit.*, h. 112.

²⁰ Dari kata “wetu” iaitu keluar.

d. Upacara Tedhak Siten (Turun Tanah)

Apabila usia anak telah mencelah tujuh bulan, biasanya akan diadakan suatu upacara yang dinamakan turun tanah atau *tedhak siten*.²¹ Ianya bermaksud buat pertama kalinya memijakkan kakinya ke atas tanah. Tedhak siten ini juga dilakukan dengan harapan agar si anak akan dapat menempuh segala rintangan dalam mencapai cita-citanya setelah dewasa kelak.²² Biasanya upacara ini berlangsung pada waktu pagi dan dibuat di halaman rumah tepat pada weton (hari kelahirannya) misalnya jika si anak lahir pada hari Rabu *Legi*, upacara tersebut akan dilakukan pada waktu pagi di hari yang sama dengan kelahirannya.²³

Upacara ini biasanya ditontoni oleh seluruh ahli keluarga, jiran terdekat dan anak-anak kecil yang tinggal berdekatan. Si anak akan dimasukkan ke dalam kurungan ayam²⁴ yang telah dibuat khas kemudiannya dipimpin menaiki tangga yang dibuat daripada batang tebu. Selepas itu, kaki si anak akan dibasuh dengan air bunga kembang setaman lalu diletakkannya di atas tanah. Acara yang terakhir ini merupakan kemuncak dari tujuan upacara tedhak siten. Dalam kehidupan orang Jawa, tanah merupakan suatu perkara yang sangat penting dan ianya merupakan langkah pertama dalam kebudayaan pertanian Jawa tradisional.

²¹ Thomas, *op. cit*, h. 119

²² Ibid, h. 32

²³ *Ibid.*

²⁴ Kurungan ayam mengandungi maksud agar anak tersebut dapat menyesuaikan diri dalam masyarakat yang luas serta dapat mematuhi segala peraturan dan adat setempat.

1.2 Adat-Istiadat Berkhatan

Upacara berkhatan atau dalam bahasa Jawa *ditetak* (bagi kanak-kanak lelaki) adalah merupakan salah satu daripada upacara yang paling penting bagi orang Jawa. Mereka mengadakan suatu pesta yang hampir menyamai pesta perkahwinan.²⁵ Secara umumnya, orang Jawa menganggap berkhatan merupakan suatu upacara untuk merasmikan diri sebagai seorang muslim dan kerana itu upacara ini juga seringkali disebut *ngislamaken* yang bererti “mèngislamkan”.²⁶

Sebelum kanak-kanak lelaki menjalani upacara berkhatan beramai-ramai, mereka akan dibawa menziarahi makam nenek moyang mereka yang terdahulu.²⁷ Sebelum dikhaskan pada keesokan hari, mereka dikehendaki berjaga pada malamnya sehingga tengah malam dengan ditemani oleh ahli keluarga masing-masing. Orang Jawa menganggap bidadari dan makhluk halus yang baik akan turun pada malam tersebut untuk memberikan doa restu mereka.²⁸

Pada keesokan pagi mereka akan dipakaikan dengan pakaian yang indah dan akan menunggu kedatangan *dukun bong* atau *dukun calak* yang akan melaksanakan upacara *tetakan* (berkhatan). Upacara ini dilakukan di halaman rumah dalam sebuah gubuk yang dibuat daripada atap. Sebelum *ditetak* (dikhatan), kanak-kanak tersebut dikehendaki mengucapkan kalimah syahadah dan matanya akan ditutup. Setelah

²⁵ *Ibid.*, h. 357

²⁶ *Ibid.*

²⁷ Kunjungan ini disebut “nyekar” yang bererti bunga. Dalam upacara “nyekar”, bunga akan ditabur dan kemenyan akan dibakar. Menziarahi makam perkuburan merupakan amalan yang dilakukan oleh orang Jawa sejak turun-temurun. Ianya berkait-rapat dengan kepercayaan lahir batin orang Jawa dalam memohon restu nenek moyang ketika berhajat kepada sesuatu perkara.

²⁸ Koentjaraningrat, *op. cit.*, h. 358

selesai mereka akan diberi minum jamu khusus iaitu minyak kelapa asli yang dicampur dengan hiris bawang merah dan *temu giring* (cekur) yang diparut.²⁹

Pada hari tersebut juga akan diadakan slametan yang dinamakan *slametan jenang abrit*. Unsur terpenting dalam slametan ini adalah bubur merah yang dibuat daripada beras dan gula merah.³⁰ Pada kebiasaannya bagi keluarga petani yang kaya ataupun keluarga yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat akan mengadakan pertunjukan wayang atau *tarian tayuban*.³¹

Upacara bersunat juga akan diadakan kepada kanak-kanak perempuan apabila mereka berumur lapan tahun atau lebih dikenali dalam bahasa Jawa *disunat* (tetesan).³² Upacara ini biasanya diadakan setelah seorang anak gadis mendapat haidnya yang pertama. Slametan ini hanya dibuat secara sederhana sahaja dan tidak pernah dibuat secara besar-besaran sebagaimana upacara tetakan (berkhatan) bagi kanak-kanak lelaki.³³

Setelah kanak-kanak perempuan itu disunat, hasil sunatannya dicampurkan dengan kunyit dan dibungkus dengan kapas, kemudian akan dimasukkan ke dalam cuwo³⁴ yang berisi berbagai-bagi jenis bunga. Seterusnya cuwo tersebut akan dihanyutkan ke dalam sungai.³⁵ Kanak-kanak perempuan yang disunat akan disuruh mengunyah jamu yang telah ditumbuk halus yang dicampur dengan kecur, lengkuas, kunyit, asam, ketumbar dan kayu manis. Kemudian si anak akan dimandikan dan

²⁹ Thomas, *op. cit.*, h. 20.

³⁰ Koentjaraningrat, *op. cit.*, h. 358.

³¹ *Tarian tayuban* adalah suatu tarian sosial di mana para tetamu lelaki akan mendapat kesempatan untuk menari bersama-sama dengan beberapa orang penari wanita di majlis tersebut..

³² Thomas, *loc. cit.*, h. 122

³³ Koentjaraningrat, *op. cit.*, h. 359.

³⁴ Cuwo ialah tempayan yang dibuat daripada tanah liat.

³⁵ Thomas, *op. ci.t*, h. 122

seterusnya dipakaikan busana Jawa menggunakan kain kebaya baru yang dihiasi indah.³⁶

1.3 Adat-Istiadat Perkahwinan

Penelitian tema adat dan upacara perkahwinan adat Jawa dapat dilihat dalam hal-hal yang berkaitan dengan adat-adat sebelum perkahwinan, adat-istiadat ketika upacara perkahwinan dan adat-adat selepasnya. Ketiga-tiga unsur tersebut cuba melihat bagaimana proses perlaksanaan dan pemantapan suatu adat dalam perkahwinan masyarakat Jawa baik dalam bentuk aturan yang ditetapkan dalam adat mahupun dalam upacara yang dilaksanakan.³⁷ Oleh itu, dalam adat dan upacara perkahwinan masyarakat Jawa ini akan dilihat baik yang bersifat nilai-nilai, norma-norma ataupun kebudayaan material yang sehubungan dengan perkahwinan dalam masyarakat tersebut.³⁸

a. Adat Sebelum Perkahwinan

i) Tujuan Perkahwinan Menurut Adat

Jika orang bertanya kepada responden dalam masyarakat Jawa tentang tujuan perkahwinan, kenyataan yang diperolehi adalah berbeza-beza mengikut pandangan masing-masing. Antara jawapan yang diberikan, “*ben ana sing ngopeni*” ertinya biarlah ada orang yang merawat, “*ben duwe turunan kaya wong liyane*” ertinya biarlah seperti orang lain untuk membentuk keluarga

³⁶ *Ibid.*, h. 122-123.

³⁷ Departmen Pendidikan dan Kebudayaan Pusat Penelitian Sejarah dan Budaya (1978/1979), *Adat dan Upacara Perkahwinan Daerah Jawa Tengah*. t.t.p. t.p., h. 7

³⁸ *Ibid.*

yang bahagia dan ada juga yang mengatakan “*bebrayan gesang lan yen saged nggadhahi turunan*” ertinya hidup bersama dan saling bekerjasama untuk hidup disamping berusaha untuk mendapatkan zuriat dan menjaga keturunan.³⁹

Kenyataan menunjukkan bahawa dengan adanya perkahwinan maka terbentuklah keserasian antara pasangan masing-masing dan membentuk unit kekeluargaan yang tersendiri melalui proses pengakuan dari masyarakat sekitarnya dan pengesahan hukum. Daripadauraian di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa tujuan perkahwinan menurut adat adalah untuk membentuk satu unit keluarga yang sah di mana anggotanya saling bekerjasama untuk menyusun sebuah rumahtangga yang harmoni di samping mempunyai hak untuk melakukan hubungan seksual yang halal serta mendapat keturunan yang sah.

ii) Upacara Sebelum Perkahwinan

Secara umumnya, orang Jawa mempunyai ukuran dalam memilih jodoh yang ideal. Ukuran tersebut ialah *bibit* (ditinjau dari sudut keturunan), *bebet* (pergaulan) dan *bobot* (material).

Untuk mencari calon suami yang ideal, orang Jawa berpegang kepada tiga ukuran utama iaitu mempunyai sifat-sifat seperti *hangayomi* (dapat melindungi keluarganya), *hangayemi* (tenang dan tenteram) dan *hangayani* (memberi nafkah). Manakala untuk mencari calon isteri yang ideal pula ditekankan tiga ciri utama iaitu *mugen* (tidak meninggalkan rumah tanpa

³⁹ Ibid, hal. 44

urusan yang penting), *tegen* (suka bekerja dan mampu melaksanakan tugas isteri dengan baik) dan *rigen* (pandai menguruskan pemberian nafkah oleh suami).⁴⁰

b. Upacara Adat Perkahwinan Pengantin Jawa

Pemuda Jawa pada umumnya adalah bebas untuk memilih jodoh namun demikian ada juga yang dijodohkan dengan kaum kerabatnya sendiri atau pilihan orang tuanya. Apabila calon isterinya masih ada hubungan kekeluargaan dengan pengantin lelaki ianya dinamakan *nuntumake balung pisah* iaitu menyatukan kembali tulang-tulang yang sudah terpisah. Fenomena sedemikian masih lagi berlaku di kalangan masyarakat Jawa sehingga ke hari ini dengan tujuan untuk menyatukan kembali hubungan kekeluargaan yang jauh.⁴¹

Apabila seseorang lelaki ingin mencari jodoh perlu diadakan upacara yang disebut *nontoni* dalam masyarakat Jawa. Upacara nontoni atau melihat si gadis dengan lebih dekat oleh pihak lelaki dan wakil keluarganya.⁴² Apabila seseorang lelaki merasa berkenan terhadap gadis yang dinontoninya, akan disusuli dengan upacara *srah-srahan* iaitu orang tua atau wakil bagi pihak lelaki akan menyerahkan barang-barang kepada keluarga si gadis.⁴³ Barang-barang yang diserahkan kepada si gadis tadi disebut *peningset* atau tanda pengikat yang memberi maksud si gadis telah diikat atau ditanda oleh pemuda

⁴⁰ *Ibid*, h. 62.

⁴¹ Thomas, *op. cit.*, h. 14.

⁴² Budiono, *op. cit.*, h. 108.

⁴³ Thomas, *loc. cit.*, h. 14

tersebut.⁴⁴ Dengan penyerahan *peningset* daripada keluarga lelaki menandakan pertunungan antara pemuda dan si gadis telah rasmi dan ketika ini juga akan ditetapkan tarikh pernikahan dan segala persiapan-persiapan untuk melangsungkan hari perkahwinan.⁴⁵

Beberapa hari sebelum berlangsungnya hari perkahwinan, rumah calon pengantin perempuan akan dihiasi dan didirikan khemah-khemah kecil di sekeliling rumah atau dalam masyarakat Jawa lebih dikenali dengan *pasang tarub*.⁴⁶ Dalam upacara pasang tarub yang terpenting akan diadakan kenduri slameten yang dihadiri oleh sejumlah orang dalam kiraan ganjil.⁴⁷

Sehari sebelum berlangsungnya hari pernikahan akan diadakan upacara siraman ke atas calon pengantin lelaki dan perempuan di mana keduanya akan dimandikan dengan air hangat yang ditaburi bunga-bunga kembang setaman. Pada waktu malam pula, pengantin perempuan akan mengadakan malam *midodareni* di mana calon pengantin lelaki akan dihantar ke rumah calon pengantin perempuan oleh kawan-kawannya ataupun wakil bagi pihak orang tua pengantin lelaki. Pada malam tersebut, kedua keluarga pengantin lelaki dan perempuan saling mengenali dengan tujuan mengeratkan hubungan keluarga yang baru terjalin itu.⁴⁸

Pada keesokan harinya akan diadakan upacara pernikahan kedua pengantin atau dikenali sebagai upacara ijab qabul yang akan disusuli dengan

⁴⁴ Surojo, *op. cit.*, h. 141

⁴⁵ Budiono, *loc. cit.*, h. 108

⁴⁶ Marbangun Hardjowirogo (1980), *Adat Istiadat Jawa*. Bandung: Penerbit Patma, h. 37.

⁴⁷ Budiono, *op. cit.*, h. 109.

⁴⁸ *Ibid*, h. 110

panggih iaitu pengantin lelaki dan perempuan akan dipertemukan secara adat.⁴⁹ Di dalam upacara temu pengantin ini akan dimulakan dengan saling melempar daun sirih yang digulung dan diikat dengan benang.⁵⁰ Kemudian akan disusuli pula dengan upacara memijak telur oleh pengantin lelaki dan pengantin perempuan pula akan membasuh kaki pengantin lelaki dengan air bunga yang disediakan. Upacara ini melambangkan kesetiaan isteri terhadap suaminya di mana akan selalu menyambut kedatangan suaminya dengan penuh kasih sayang.⁵¹

Selesai upacara adat perkahwinan di rumah pengantin perempuan, beberapa hari selepasnya akan diadakan *ngunduh pengantin* iaitu orang tua pengantin lelaki akan mengundang sanak-saudara dan kaum kerabat ke rumah mereka bertujuan untuk memperkenalkan pengantin baru.⁵² Kadang-kadang kenduri yang diadakan di rumah pengantin lelaki adalah lebih meriah daripada rumah pengantin perempuan.⁵³ Di sini pengantin baru akan diraikan sekali lagi oleh sanak-saudara mereka.

⁴⁹ Thomas, *op. cit.*, h.15

⁵⁰ Budiono, *loc. cit.*, h. 110

⁵¹ *Ibid.*

⁵² Thomas, *op. cit.*, h. 17

⁵³ *Ibid.*

1.4 Adat-Istiadat Kematian

Apabila berlaku kematian dalam masyarakat Jawa, perkara pertama yang akan dilakukan ialah memanggil seorang modin dan mengumumkan kematian tersebut kepada sanak-saudara dan jiran tetangga yang terdekat.⁵⁴ Samada di desa ataupun di kota, apabila ada kematian di kalangan anggota keluarga, jiran atau sahabat handai mereka akan terus bergegas ke tempat kematian tersebut dan berusaha untuk membantu menyiapkan segala urusan pengebumian jenazah di samping cuba menenangkan ahli keluarga si mati agar bersabar.⁵⁵

Ketika menunggu kedatangan sanak saudara yang jauh, anggota keluarga dan waris terdekat akan mengadakan rundingan untuk melaksanakan upacara pengurusan jenazah agar ianya dapat dilaksanakan dengan teratur dan berjalan lancar.⁵⁶ Bagi orang Jawa, pengurusan jenazah pada dasarnya perlu melalui lima peringkat iaitu memandikan jenazah, mengkafan jenazah, mengadakan upacara doa atau sembahyang ke atas jenazah, mengadakan penghormatan terakhir kepada jenazah dan akhir sekali upacara pengebumian jenazah.⁵⁷

Setelah modin dan pembantunya tiba, jenazah akan dimandikan (*dipunsirami*) di mana jenazah tersebut akan dibaringkan di atas tujuh batang pisang yang disusun rapat, panjangnya kira-kira satu meter dengan disaksikan oleh anggota keluarga yang terdekat.⁵⁸ Setelah selesai dimandikan, jenazah akan dikeringkan serta ditaburi bedak. Kemudiannya jenazah akan dikafan mengikut agama masing-masing. Jenazah yang

⁵⁴ Koentjaraningrat, *op. cit.*, h. 359

⁵⁵ Bagi orang Jawa adalah dilarang menangisi kematian anggota keluarga berlebih-lebihan tetapi sebaliknya hendaklah bersikap ‘ikhlas’ melepaskan pemergiannya dan menerima dengan redha.

⁵⁶ Thomas, *op. cit.*, h. 126

⁵⁷ *Ibid.*

⁵⁸ Koentjaraningrat, *op. cit.*, h. 360

telah dikafan akan diletakkan di atas usungan bambu (*bandhusa*) dan diletakkan di tengah-tengah rumah⁵⁹ dengan kepalanya menghadap ke arah Utara. Kemudian modin dan pembantunya akan membacakan surat ‘*ultaqlim*’ iaitu dalam bahasa Jawa talqin dan disusuli dengan pidato pemakaman dalam bahasa Jawa yang ditujukan kepada si mati.⁶⁰

Sementara itu, kaum wanita yang datang menziarahi jenazah akan membantu dalam hal-hal kecil seperti menjahit kain yang akan diletakkan untuk menutup keranda, merangkai bunga-bunga untuk menghias keranda dan sebagainya. Manakala kaum lelaki pula akan menguruskan surat-surat yang diperlukan untuk pengebumian jenazah, membeli tanah makam dan membuat papan nisan⁶¹ (*pathok*) untuk menulis nama orang yang meninggal.⁶²

Setelah selesai segala persiapan, jenazah akan dibawa ke tanah perkuburan untuk dikebumikan⁶³ dengan diiringi oleh seluruh ahli keluarga yang dekat manupun jauh, sahabat handai dan jiran tetangga. Sebelum jenazah diusung, anggota keluarga yang terdekat harus berjalan di bawah keranda sebanyak tiga kali sebagai melambangkan sikap ‘ikhlas’ dan ketika keranda diangkat, kendi yang berisi air akan dipecahkan dan disaat keranda diusung keluar, beras kunyit akan ditaburkan ke atasnya.⁶⁴

⁵⁹ *Ibid*, h. 360-361.

⁶⁰ *Ibid*, h. 361

⁶¹ Papan nisan untuk lelaki adalah berbentuk runcing manakala papan nisan yang berbentuk bulat di bahagian atas untuk wanita.

⁶² Koentjaraningrat, *op. cit.*, h. 361

⁶³ Upacara pengebumian jenazah biasanya tidak dilakukan pada waktu pagi kecuali sebab-sebab tertentu. Selain itu juga, pengebumian jenazah tidak pernah dilakukan pada waktu malam

⁶⁴ Koentjaraningrat, *loc. cit.*, h. 363.

Apabila tiba saat pengebumian, jenazah akan dikeluarkan daripada keranda dan diturunkan ke dalam lubang kubur dengan bantuan para pekerja di tanah perkuburan. Luas sebuah kubur untuk orang dewasa ialah kira-kira $1 \times 2 \frac{1}{2}$ meter dengan dalamnya kira-kira $2 \frac{1}{2}$ meter dan digali memanjang dari arah utara ke selatan. Seterusnya jenazah akan diletakkan ke dalam liang lahad (*cepuri*) dengan posisi mengiring. Selesai diletakkan pada lubang liang lahad, modin akan turun ke dalam lubang kubur untuk membuka tali pengikat kepala jenazah dan akan membisikkan kalimah azan dan kalimah syahadah ke telinga jenazah. Kemudian jenazah akan ditutup dengan papan dan ditimbus dengan tanah sehingga selesai.

Setelah selesai urusan pengebumian jenazah, ahli keluarga si mati akan mengucapkan terima kasih kepada sahabat handai serta jiran tetangga yang hadir dan banyak membantu dalam urusan pengebumian jenazah. Pada malamnya akan diadakan slametan *Sedhekah Ngesur Siti*⁶⁵ dengan mengundang semua ahli keluarga dan jiran tetangga yang telah memberikan bantuan serta sumbangan ketika hari kematian. Sedhekah yang diadakan berhubung dengan kematian ini juga dilaksanakan pada hari yang ketiga (*Sedhekah Nigang Ndinteni*), hari ke-empat puluh (*Sedhekah Ngawandasa Dinten*), hari ke-seratus (*Sedhekah Nyatus*), peringatan setahun meninggal (*Sedhekah Mendhak Sepisan*), peringatan dua tahun (*Sedhekah Mendhak Kapingkalih*) dan yang terakhir serta paling diperingati perlaksanaannya pada hari keseribu (*Sedhekah Nyeru*).⁶⁶ Bagi orang Jawa sekiranya anak kecil meninggal, sedhekah hanya diadakan satu kali sahaja iaitu *Sedhekah Ngesah*.⁶⁷

⁶⁵ Slametan untuk memperingati arwah orang yang telah meninggal biasanya tidak disebut slametan tetapi dipanggil *sedhekah*.

⁶⁶ Ibid. h. 363.

⁶⁷ Ibid.

Dalam masyarakat Jawa, *sadranan* adalah merupakan hari menziarahi makam para leluhur atau kaum kerabat yang telah meninggal dunia.⁶⁸ Ianya merupakan salah satu rangkaian peristiwa yang penting bagi orang Jawa di mana setiap orang akan melaksanakannya. Sadranan selalu dilakukan pada bulan *Ruwah*⁶⁹ iaitu menjelangnya bulan Puasa di mana ramai ahli keluarga Jawa akan menziarahi makam ahli keluarga mereka.⁷⁰

1.5 Kenduri Slametan

Slametan merupakan suatu aktiviti sosial yang lumrah dilakukan dan penting dalam kehidupan masyarakat Jawa. Oleh itu, di kalangan Jawa didapati satu siri slametan bagi menandakan setiap peringkat kehidupan manusia sejak ia dilahirkan,⁷¹ dikahwinkan hingga ke hari kematiannya.⁷²

Kata slametan berasal daripada *slamet* yang bermaksud selamat sejahtera.⁷³ Setiap anggota masyarakat ini sejak dari kecil lagi telah dididik untuk mengadakan slametan sebagai tanda kesyukuran terhadap sesuatu peristiwa yang dialami⁷⁴. Situasi ini pula diimbangi oleh anggota masyarakat yang lain dengan memenuhi undangan slametan yang diadakan oleh individu berkenaan.⁷⁵ Umpamanya sewaktu diadakan upacara melenggang perut, kenduri perkahwinan atau *khitanan* (berkhatan), upacara

⁶⁸ Karkono, *op. cit.*, h. 252.

⁶⁹ Dikenali juga sebagai bulan menziarahi arwah

⁷⁰ *Ibid.*

⁷¹ Slametan untuk kelahiran anak termasuklah juga semasa anak itu masih dalam kandungan misalnya mitoni iaitu slametan untuk anak sulung yang masih dalam kandungan tujuh bulan, slametan kematian pula biasanya diadakan pada hari ke- 3, hari ke-7 , hari ke-40, hari ke-100, hari ke-1000 dan setiap bulan Sya'ban.

⁷² Khazin, *op. cit.*, h. 115.

⁷³ Noriah, *op. cit.*, h. 238

⁷⁴ H. Geertz (1961), *The Javanese Family: A Study of Kinship and Socializations*. New York: Collier Macmillan, h. 59.

⁷⁵ Niels Mulder (1978), *Mysticism And Everyday Life In Contemporary Java*. Singapore: Singapore University Press, h. 59.

ini dianggap formal kerana lingkungan kawasan anggota yang diundang agak lebih lebar biasanya melibatkan seluruh kampung. Justeru itu masa dan tenaga amat diharapkan oleh individu yang mengadakan slametan agar kenduri majlis slametan dapat berjalan lancar.⁷⁶

Slametan juga kadangkala diadakan dalam suasana kecil tetapi meriah seperti menunaikan hajat selepas berjaya dalam ujian atau memperolehi pekerjaan. Slametan kecil ini lebih dikenali sebagai *bancaan*⁷⁷. Dalam majlis bancaan, anggota masyarakat yang diundang tidak begitu ramai hanya terdiri daripada jiran tetangga yang terdekat sahaja. Adakalanya upacara ini hanya dikendalikan oleh ketua keluarga sahaja dengan membaca doa dan kemudiannya makanan yang disediakan akan dihantar ke rumah jiran-jiran yang terdekat. Hidangan yang disediakan biasanya mudah dan ringkas.⁷⁸

Menurut kepercayaan tradisional Jawa, slametan merupakan satu majlis jamuan yang didahului dengan bacaan dan selawat. Ianya mempunyai hubungan yang erat dengan kepercayaan kepada unsur-unsur kekuatan sakti atau makhluk halus. Oleh itu, semua majlis slametan ditujukan untuk memohon keselamatan hidup supaya tidak akan terkena gangguan makhluk-makhluk halus.⁷⁹

Terdapat empat jenis majlis slametan yang biasa diadakan di kalangan masyarakat Jawa iaitu,⁸⁰

⁷⁶ *Ibid.*

⁷⁷ Noriah, *op. cit.*, h. 239.

⁷⁸ *Ibid.*

⁷⁹ H. Geertz (1960), *The Religion Of Java*. London :Collier Max Millan Ltd, h. 11.

⁸⁰ Koentjaraningrat, *op. cit.*, h. 340

- i) Slametan yang berkisar tentang kehidupan seseorang seperti di waktu hamil, kelahiran, cukur rambut, upacara turun tanah, berkhatan, perkahwinan, kematian dan upacara selepas kematian.
- ii) Slametan yang berkisar tentang kebersihan kawasan tempat tinggal, tanah pertanian dan setelah pertanian mereka mengeluarkan hasilnya.
- iii) Slametan yang berhubung dengan hari-hari serta bulan-bulan besar dalam Islam.
- iv) Slametan yang berkaitan dengan masa yang tidak ditentukan seperti semasa hendak memulakan atau kembali daripada perjalanan yang jauh, pindah rumah baru, menunaikan janji setelah sembah daripada sebarang penyakit atau setelah tercapainya cita-cita yang dihajatkan.

Satu perkara yang menarik dalam corak kehidupan masyarakat Jawa ialah cara jamuan yang dihidangkan kepada tetamu dalam satu-satu majlis kenduri slametan. Dalam kebanyakan majlis kenduri slametan, jamuan yang dihidangkan kepada para tetamu adalah “*nasi ambeng*”⁸¹. Setiap satu nasi ambeng yang dihidangkan adalah untuk hidangan empat atau lima orang tetamu. Mereka akan duduk mengelilingi *ambeng* (talam) tersebut. Dalam menikmati hidangan ini, para tetamu akan menjamah sebahagian kecil daripadanya kemudian nasi ambeng itu akan

⁸¹ “*Nasi Ambeng*” ialah nasi yang dihidangkan penuh di dalam sebuah talam. Lauk-pauk akan dihidangkan di tengah-tengah nasi dengan beralaskan daun pisang. Lauk yang dihidangkan itu pada kebiasaannya terdiri daripada ikan, daging atau ayan, tempe dan sayur-sayuran yang dimasak secara tumis.

dibahagikan sama rata di antara mereka untuk dibawa pulang ke rumah.⁸² “*Nasi ambeng*” yang telah dibungkus dan dibawa pulang itu pula dinamakan “*nasi berkat*”.

Kesimpulannya, dalam slametan terungkap nilai-nilai yang paling mendalam bagi orang Jawa iaitu nilai kebersamaan, keakraban dan kerukunan⁸³ sekaligus meletakkan individu adalah sama darjatnya antara satu sama lain kecuali golongan yang memiliki kedudukan yang lebih tinggi dalam masyarakat.

2. Adat-Istiadat Perkahwinan Masyarakat Jawa Di Batu Pahat

2.1 Konsep Perkahwinan Menurut Islam

Perkahwinan adalah merupakan satu cabang ibadah yang menjanjikan ketenangan dalam kehidupan kerana ianya bukan sahaja tuntutan naluri, malah ia juga merupakan tuntutan syariah yang perlu dipenuhi. Justeru itu, sebelum melangkah ke alam perkahwinan individu muslim perlu memahami konsep perkahwinan menurut perspektif Islam dengan sewajarnya. Hasil kajian penulis berhubung pemahaman responden terhadap konsep perkahwinan menurut perspektif Islam dapat dilihat dalam jadual di bawah:

⁸² Khazin, *op. cit.*, h. 116.

⁸³ Franz Magnis Suseno S.J (1985), *Etika Jawa Sebuah Analisa Falsafi Tentang Kebijaksanaan Hidup Jawa*. Jakarta: Penerbit PT. Gramedia, h. 15.

Jadual 4.1: Konsep Perkahwinan Menurut Islam⁸⁴

Jawapan	Bilangan Responden	Peratus
1. Faham	180 orang	90%
2. Kurang Faham	20 orang	10%
3. Tidak Faham	0	0%
Jumlah	200 orang	100%

Sumber: Borang Kaji Selidik

Seramai 180 orang atau 90% daripada responden yang mengisi borang soal selidik telah memberikan jawapan faham terhadap konsep perkahwinan menurut perspektif Islam. Sementara seramai 20 orang atau 10% lagi menyatakan jawapan kurang faham dan tidak ada responden yang tidak memahaminya.

2.2 Pemilihan Jodoh

Islam telah meletakkan garis panduan yang rapi dalam usaha pemilihan jodoh. Berdasarkan soal selidik yang telah dibuat ke atas sampel kajian, penulis mendapati pemilihan jodoh di kalangan masyarakat Jawa di Batu Pahat adalah dilakukan melalui dua cara iaitu pilihan jodoh oleh keluarga dan pilihan sendiri oleh pasangan terbabit.

⁸⁴ Rujuk Lampiran A, Bahagian A, Soalan no. 1.

Jadual 4.2: Pemilihan Jodoh⁸⁵

Jawapan	Bilangan Responden	Peratus
1. Pilihan Keluarga	122 orang	61%
2. Pilihan Sendiri	78 orang	39%
Jawapan	200 orang	100%

Sumber: Borang Kaji Selidik

Berdasarkan jadual 4.2, pemilihan jodoh oleh keluarga adalah seramai 122 orang atau 61% berbanding dengan pilihan sendiri seramai 78 orang atau 39%. Keluarga memainkan peranan dalam mempertemukan pasangan terutama bagi responden yang bernikah mengikut pilihan keluarga. Ibubapa pada keseluruhannya, tidak menyekat pilihan jodoh anak-anak mereka, tetapi yang lebih ditekankan ialah seseorang individu yang dipilih haruslah beragama Islam dan tahu menyesuaikan diri atau *emban rasa*.⁸⁶

Sifat saling mengenal sebelum perkahwinan adalah penting kerana melalui perkenalan akan dapat mengetahui sifat-sifat dan kebiasaan masing-masing. Justeru itu, Islam menekankan setiap individu yang ingin berkahwin melihat pasangan mereka sebelum hari pernikahan. Walaubagaimanapun, Islam memberikan garis panduan dalam perkara ini.

Melalui hasil soal selidik yang diedarkan juga, penulis mendapati responden yang memilih pasangan mereka dari keturunan Jawa adalah lebih ramai daripada pasangan yang bukan berketurunan Jawa.

⁸⁵ Rujuk Lampiran A, Bahagian A, Soalan no. 2.

⁸⁶ Sentiasa menjaga rasa atau hati orang lain.

Jadual 4.3: Keturunan Pasangan⁸⁷

Jawapan	Bilangan Responden	Peratus
1. Keturunan Jawa	160 orang	80%
2. Bukan Keturunan Jawa	40 orang	20%
Jumlah	200 orang	100%

Sumber: Borang Kaji Selidik

Berdasarkan jadual 4.3 di atas, didapati seramai 160 orang atau 80% responden yang memilih pasangan berketurunan Jawa berbanding hanya 40 orang atau 20% sahaja yang tidak memilih pasangan dari keturunan yang sama.

Daripada kajian ini juga, penulis telah menyelidiki adakah responden bertemu pasangan mereka sebelum bernikah walaupun majoriti pasangan mereka adalah dipilih oleh keluarga masing-masing.

Jadual 4.4: Bertemu Pasangan Sebelum Bernikah⁸⁸

Jawapan	Bilangan Responden	Peratus
1. Ya	160 orang	89%
2. Tidak	40 orang	20%
Jumlah	200 orang	100%

Sumber: Borang Kaji Selidik

⁸⁷ Rujuk Lampiran A, Bahagian A, Soalan no. 11

⁸⁸ Rujuk Lampiran A, Bahagian A, Soalan no. 4.

Jadual 4.4 di atas menunjukkan bahawa responden pernah menemui pasangan mereka sebelum bernikah iaitu seramai 160 orang atau 80% manakala 40 orang atau 20% pula tidak pernah bertemu pasangan sebelum mereka dinikahkan.

2.3 Pertunangan

Dalam bab yang lalu, penulis telah menerangkan tentang merisik dan bertunang sebelum ikatan perkahwinan dimeterai oleh kedua pasangan. Dalam hal ini, penulis telah mendapatkan maklumat berhubung responden yang bertunang sebelum bernikah.

Jadual 4.5: Bertunang Sebelum Bernikah⁸⁹

Jawapan	Bilangan Responden	Peratus
1. Ya	192 orang	96%
2. Tidak	8 orang	4%
Jumlah	200 orang	100%

Sumber : Borang Kaji Selidik

Dalam jadual 4.5 di atas, penulis mendapati responden yang bertunang sebelum bernikah adalah seramai 192 orang atau 96% berbanding responden yang tidak bertunang iaitu hanya 8 orang sahaja atau 4%. Hasil soal selidik yang dikaji juga, penulis mendapati majlis pertunangan yang diadakan oleh responden adalah mengikut adat masyarakat Jawa setempat.

⁸⁹ Rujuk Lampiran A, Bahagian A, Soalan no. 6.

Jadual 4.6: Majlis Pertunangan Mengikut Adat⁹⁰

Jawapan	Bilangan Responden	Peratus
1. Ya	172 orang	86%
2. Tidak	28 orang	14%
Jumlah	200 orang	100%

Sumber: Borang Kaji Selidik

Meminang adalah adat yang sudah lama wujud sebelum kedatangan Islam dan agama Islam tidak menegahnya bahkan meminang adalah sunnah yang diamalkan oleh Rasulullah S.A.W dan disunatkan kepada kita semua melakukannya sebagai mukaddimah sebelum akad perkahwinan. Islam menyerahkan segala urusan mengikut adat kebiasaan selagi adat tersebut tidak bercanggah dengan 'akidah Islam. Dalam jadual di atas kebanyakan responden masyarakat Jawa Batu Pahat telah mengadakan majlis pertunangan mereka mengikut adat Jawa iaitu seramai 172 orang atau 86% manakala hanya seramai 28 orang atau 14% daripada segelintir masyarakat yang tidak mengadakan majlis mengikut adat setempat.

Kebiasaannya di dalam majlis pertunangan akan dibincangkan tentang tarikh yang sesuai untuk diadakan hari kenduri perkahwinan dan disentuh juga tentang nilai hantaran yang akan dibawa oleh pihak lelaki. Pada hari pertunangan juga, pihak lelaki akan membawa beberapa hadiah pertunangan kepada pihak perempuan. Berdasarkan kepada soal selidik yang dibuat oleh penulis, didapati kebanyakan responden-responden memberikan hadiah-hadiah seperti cincin, pakaian, kain telekung, kuih-muih, al-Qur'an, payung, sejadah, beg, kasut dan alat-alat solek. Hadiah-hadiah ini

⁹⁰ Rujuk Lampiran A, Bahagian A, Soalan no. 7.

merupakan hadiah-hadiah yang biasa diberikan oleh pihak lelaki kepada perempuan yang dipinang dalam masyarakat yang dikaji⁹¹.

Walaubagaimanapun, sekiranya berlaku kes pertunangan yang diputuskan oleh pihak perempuan, kebanyakannya responden berpendapat hadiah-hadiah pertunangan yang telah diberikan oleh pihak lelaki hendaklah dikembalikan sebagaimana jadual yang ditunjukkan di bawah;

Jadual 4.7: Pemulangan Hadiah Pertunangan⁹²

Jawapan	Bilangan Responden	Peratus
1. Ya	116 orang	58%
2. Tidak	84 orang	42%
Jumlah	200 orang	100%

Sumber: Borang Kaji Selidik

Berdasarkan jadual 4.7 di atas, didapati seramai 116 orang atau 58% daripada responden yang mengatakan pihak perempuan perlu memulangkan hadiah pertunangan yang telah diterima daripada pihak lelaki sementara seramai 84 orang atau 42% lagi berpendapat hadiah yang telah diterima oleh pihak perempuan tidak perlu dikembalikan semula kepada pihak lelaki.

⁹¹ Rujuk Lampiran A, Bahagian A, Soalan no. 8.

⁹² Rujuk Lampiran A, Bahagian A, Soalan no. 9.

2.4 Hantaran Perkahwinan

Hasil kajian yang dijalankan, penulis mendapati terdapat dua cara pemberian duit hantaran perkahwinan kepada pihak perempuan iaitu memberi nilai hantaran sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak perempuan dan keduanya terpulang kepada keikhlasan pihak lelaki untuk memberikannya. Cara pemberian nilai hantaran oleh masyarakat Jawa di Batu Pahat dapat dilihat dalam jadual di bawah:

Jadual 4.8: Cara Pemberian Duit Hantaran⁹³

Jawapan	Bilangan Responden	Peratus
1.Ditetapkan oleh pihak perempuan	76 orang	37%
2.Terpulang kepada keikhlasan pihak lelaki	126 orang	63%
Jumlah	200 orang	100%

Sumber: Borang Kaji Selidik

Pemberian nilai hantaran yang diberikan oleh pihak lelaki adalah diukur dari beberapa aspek seperti merujuk kepada kebiasaan setempat, kelulusan akademik si gadis, keturunan, keperibadian serta kecantikannya⁹⁴. Daripada jadual di atas, seramai 76 orang atau 37% responden telah memberikan duit hantaran perkahwinan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak perempuan. Manakala 126 orang atau 63% responden memberikannya mengikut keikhlasan hati pihak lelaki.

⁹³ Rujuk Lampiran A, Bahagian A, Soalan no. 13

⁹⁴ Rujuk Lampiran A, Bahagian A, Soalan no. 14.

2.5 Majlis Kenduri

Dalam sesebuah masyarakat, adat tradisional adalah merupakan suatu adat yang tidak dipandang ringan terutamanya ketika melangsungkan majlis perkahwinan kerana di sinilah akan ditemui berbagai adat resam tradisional yang masih lagi diamalkan sehingga sekarang. Walaubagaimanapun, hasil kajian yang dijalankan oleh penulis terhadap responden masyarakat Jawa di Batu Pahat, penulis dapat merumuskan hanya sebahagian sahaja yang masih menjalankan adat perkahwinan mengikut adat tradisional Jawa.

Jadual 4.9: Perkahwinan Mengikut Adat Tradisional Jawa⁹⁵

Jawapan	Bilangan Responden	Peratus
1. Ya	88 orang	44%
2.Tidak	112 orang	56%
Jumlah	200 orang	100%

Sumber: Borang Kaji Selidik

Jadual di atas menunjukkan seramai 88 orang atau 44% daripada responden masyarakat Jawa di Batu Pahat masih lagi meneruskan adat tradisional Jawa dalam majlis perkahwinan mereka manakala seramai 112 orang atau 56% responden tidak lagi melaksanakan adat tradisional Jawa dalam majlis perkahwinan yang dilangsungkan seperti upacara mandi bunga oleh pengantin perempuan.

⁹⁵ Rujuk Lampiran A, Bahagian A, Soalan no. 16.

Dalam menetapkan hari kenduri perkahwinan pula, majoriti masyarakat Jawa di Batu Pahat lebih suka merujuk kepada kalendar Jawa. Hal ini dapat dilihat dalam jadual di bawah:

Jadual 4.10: Merujuk Kalendar Jawa⁹⁶

Jawapan	Bilangan Responden	Peratus
1. Ya	138 orang	69%
2. Tidak	42 orang	21%
Jumlah	200 orang	100%

Sumber: Borang Kaji Selidik

Berdasarkan jadual 4.10 di atas, seramai 138 orang atau 69% responden mengadakan kenduri perkahwinan dengan merujuk kalendar Jawa sementara 42 orang atau 21% lagi tidak merujuk kalendar Jawa dalam memilih hari kenduri perkahwinan dilangsungkan. Walaupun hari kenduri dirujuk kepada kalendar Jawa, kebiasaanannya hari kenduri akan dibuat berdasarkan kepada kesempatan kaum keluarga dan sanak saudara untuk pulang ke kampung. Ianya bagi membolehkan semua sanak saudara berkumpul bersama bagi meraikan majlis perkahwinan.

Dalam adat majlis kenduri perkahwinan masyarakat Jawa, kebiasaananya akan diadakan rewang atau gotong royong⁹⁷ di mana seluruh penduduk kampung akan datang menolong tuan rumah selama tiga hari iaitu sebelum kenduri, ketika hari kenduri dan selepas kenduri. Hasil temubual penulis bersama seorang informan dari kampung Parit Sulong,⁹⁸ penulis diberitahu pada hari kenduri, jiran-jiran sekampung

⁹⁶ Rujuk Lampiran A, Bahagian A, Soalan no. 12.

⁹⁷ Maksud gotong ialah memikul dan royong ialah bersama. Oleh itu, dari gabungan kedua-dua perkataan ini dapat memberi maksud memikul tanggungjawab bersama-sama.

⁹⁸ Wawancara dengan Hj. Shahadan b. Hj. Riduan (penduduk Kg. Parit Sulong) di rumahnya pada 20hb. Oktober 2003, 9.00 mlm.

akan datang untuk membantu sekiranya tidak ada keuzuran. Anggota masyarakat yang pergi rewang adakalanya sanggup mengorbankan masa dan kepentingan diri untuk menjayakan majlis perkahwinan yang diadakan oleh anggota masyarakatnya.


Masyarakat keturunan Jawa yang dikaji juga, tidak hanya memberikan perkhidmatannya dalam bentuk tenaga sahaja malahan adakalanya disertai dengan sumbangan material atau lebih dikenali sebagai *nyumbang*⁹⁹. Daripada penelitian yang dijalankan juga didapati · setiap anggota masyarakat akan berasa bertanggungjawab dalam melakukan *nyumbang*. Dengan adanya *nyumbang* akan meringankan beban yang ditanggung oleh anggota yang mengadakan kenduri.

2.6 Majlis Persandingan

Kebiasaan dalam majlis perkahwinan akan diadakan majlis persandingan dan ianya merupakan sebahagian daripada adat dalam perkahwinan. Untuk mengetahui perlaksanaan adat persandingan dalam majlis perkahwinan masyarakat Jawa di Batu Pahat, satu soal selidik telah dijalankan dan hasilnya dapat dilihat dalam rajah di sebelah:

⁹⁹ Iaitu pemberian berupa wang atau bahan-bahan makanan seperti minyak, beras, telur dan gula.

Rajah 4.11: Adat Persandingan Di Majlis Perkahwinan¹⁰⁰



Sumber: Borang Kaji Selidik

Rajah 4.11, menunjukkan bilangan dan peratus responden yang mengadakan majlis persandingan di hadapan umum ialah seramai 146 orang atau 73% manakala seramai 30 responden atau 15% yang mengadakan persandingan di hadapan ahli keluarga dan sanak saudara terdekat sahaja. Terdapat juga responden yang tidak mengadakan adat persandingan dalam majlis perkahwinan mereka iaitu seramai 24 responden atau 12% sahaja. Responden-responden yang ditemui juga menyatakan bahawa pengantin kini bersanding dengan memakai pakaian yang menutup 'aurat'.

Adalah menjadi kebiasaan masyarakat Jawa di Batu Pahat di mana setiap pengantin lelaki akan berzANJI bersama-sama dengan para tetamu pada malam majlis perkahwinan. Pada malam itu juga akan diadakan kirim arwah ataupun kenduri do'a selamat agar kenduri majlis perkahwinan keesokan hari akan berjalan lancar. Dalam majlis perkahwinan juga, kebiasaannya akan diadakan majlis khatam Quran pengantin¹⁰¹. Selepas seminggu perkahwinan, akan diadakan satu lagi majlis kenduri

¹⁰⁰ Rujuk Lampiran A, Bahagian A, Soalan no. 17.


¹⁰¹ Wawancara dengan En. Masnuni bin Ismail (penduduk Kg. Parit Sulong) di rumahnya pada 21hb. Oktober 2003, 5.45 ptg.

di rumah pengantin perempuan sebagai tanda kesyukuran. Dalam masyarakat Jawa, majlis kenduri ini dipanggil *Walimatul-Dukhul*.

2.7 Adat-Istiadat Tradisional Jawa Dalam Perkahwinan

Berikut adalah rajah yang menunjukkan bilangan responden berhubung adat istiadat tradisional Jawa dalam perkahwinan.

Rajah 4.12: Adat- Istiadat Tradisional Jawa Dalam Perkahwinan¹⁰²



Sumber: Borang Kaji Selidik

Daripada soal selidik yang diedarkan, penulis mendapati seramai 166 orang atau 83% responden masih melaksanakan adat nontoni dalam mukaddimah perkahwinan sementara seramai 34 orang atau 17% sahaja tidak melaksanakan adat ini. Dalam upacara srah-srahan pula, seramai 164 orang atau 82% responden menyatakan jawapan ya manakala 36 orang atau 18% sahaja yang menyatakan tidak.

¹⁰² Rujuk Lampiran A, Bahagian D, Soalan no. 2

Pasang Tarub merupakan salah satu adat yang semakin kurang dilakukan oleh masyarakat Jawa Batu Pahat di mana hanya 22 orang atau 11% sahaja yang masih memasangnya sedangkan seramai 178 orang atau 89% tidak lagi memasang tarub di hari perkahwinan.

Menurut adat tradisional masyarakat Jawa, pengantin akan dimandikan dengan air bunga kembang setaman bagi menaikkan seri pengantin. Daripada soal selidik yang dibuat, seramai 56 orang atau 28% masih lagi mengamalkannya manakala seramai 144 orang atau 72% tidak lagi mengamalkan amalan ini.

Dalam upacara adat malam midodareni pula, seramai 92 orang atau 46% masih meraikan malam midodareni dalam majlis perkahwinan mereka sementara seramai 108 orang atau 54% responden tidak lagi meraikannya. Sementara itu, di dalam upacara memijak telur oleh pengantin lelaki pula hanya seramai 6 orang sahaja atau 3% yang masih melakukannya dan seramai 194 orang atau 97% tidak lagi melakukan upacara ini. Namun demikian, dalam upacara ngunduh pengantin seramai 154 orang atau 77% responden mengadakannya manakala seramai 46 orang atau 23% sahaja yang tidak lagi mengadakan upacara tersebut.

Kesimpulannya, masyarakat Jawa di Batu Pahat khususnya telah menjadikan adat istiadat Melayu sebagai sebahagian daripada adat mereka. Fenomena ini dapat dilihat dengan cara mereka merisik, menghantar belanja dan mengadakan kenduri perkahwinan, cuma yang masih dikekalkan ialah sistem rewang dan nasi berkat. Walaupun telah banyak adat-adat lama yang telah ditinggalkan namun masih ada lagi sebahagian adat-adat yang tidak ditinggalkan bertujuan untuk menjaga “kepupusan” adat tradisional Jawa.

3. Adat-Istiadat Kelahiran Masyarakat Jawa Di Batu Pahat

3.1 Konsep Kelahiran Menurut Islam

Dalam setiap kelompok masyarakat, mereka mempunyai adat-adat yang tersendiri untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Adat-adat ini telah menjadi suatu amalan rutin bagi kelompok masyarakat tersebut. Walaubagaimanapun adalah menjadi kewajipan ke atas individu muslim untuk mengikuti asas-asas yang telah ditentukan oleh Islam dan juga melaksanakan segala amalan-amalan yang telah diamalkan oleh Rasulullah S.A.W. Justeru itu, penulis cuba untuk mengetahui kefahaman responden terhadap konsep kelahiran menurut Islam. Maklum balas responden dinyatakan dalam jadual di bawah:

Jadual 4.13: Konsep Kelahiran Menurut Islam¹⁰³

Jawapan	Bilangan Responden	Peratus
1. Faham	170 orang	85%
2. Tidak Faham	30 orang	15%
Jumlah	200 orang	100%

Sumber: Borang Kaji Selidik

Berdasarkan jadual 4.13 di atas, seramai 170 orang atau 85% responden memberikan jawapan faham terhadap konsep kelahiran menurut Islam manakala seramai 30 orang atau 15% mengakui mereka tidak memahaminya. Pemahaman responden terhadap konsep kelahiran menurut kacamata Islam adalah diukur dari sudut perlaksanaan amalan-amalan yang dituntut dalam Islam seperti mengucapkan

¹⁰³ Rujuk Lampiran A, Bahagian B, Soalan no. 4.


tahniah, mencukur rambut, berkhatan serta mengadakan 'aqiqah. Perlaksanaan amalan-amalan berikut sangat dituntut dalam Islam kerana mempunyai berbagai hikmat dan kelebihan sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab yang lalu.

3.2 Pantang-Larang Sewaktu Hamil

Daripada temubual penulis bersama responden-responden yang ditemui, mereka menyatakan bahawa masyarakat Jawa kini umumnya tidak lagi terikat dengan adat-adat Jawa tradisional dan ianya mulai hilang di sesetengah tempat. Ini kerana banyak daripada adat-adat tradisional Jawa lama yang ternyata bercanggah dan menyeleweng daripada perspektif Islam seperti mandi tolak bala bagi bakal ibu yang sedang mengandung tujuh bulan¹⁰⁴. Adat ini jelas sekali bertentangan dengan ajaran Islam kerana nasib seseorang manusia adalah bergantung kepada ketentuan Qada' dan Qadar Ilahi. Meskipun begitu, masih ramai lagi dari kalangan masyarakat Jawa Batu Pahat khususnya yang mengikuti pantang larang ketika hamil menurut kepercayaan adat sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

¹⁰⁴ Wawancara dengan Puan Juwairiah bt. Sa'yon (Ketua Wanita Kg. Pt. Tengah) di rumahnya pada 21 hb. Oktober 2003, 8.30 mln.

Rajah 4.14: Mengikuti Pantang Larang Ketika Hamil¹⁰⁵



Sumber: Borang Kaji Selidik


Berdasarkan rajah di atas, seramai 88 orang wanita atau 44% responden yang mengikuti segala pantang larang ketika hamil manakala seramai 100 orang atau 50% lagi hanya mengikuti sebahagian sahaja. Sementara 12 orang atau 6% sahaja daripada responden yang tidak mengikuti pantang larang ketika hamil.

3.3 Adat-Istiadat Tradisional Jawa Dalam Kelahiran

Untuk memperolehi suatu rumusan yang jelas berhubung perlaksanaan adat istiadat tradisional Jawa oleh masyarakat Jawa Batu Pahat, penulis telah menyenaraikan beberapa adat tradisional Jawa ketika menyambut kelahiran untuk diedarkan kepada responden. Hasil kajian ini dapat dilihat dalam rajah berikut:

¹⁰⁵ Rujuk Lampiran A, Bahagian B, Soalan no. 1.

Rajah 4.15: Adat-Istiadat Tradisional Jawa Dalam Kelahiran¹⁰⁶



Sumber: Borang Kaji Selidik

Berdasarkan rajah di atas, seramai 138 orang atau 69% daripada responden masih lagi mengamalkan slametan mitoni manakala 62 orang atau 31% tidak lagi mengamalkannya. Berbeza pula dengan adat lek-lekan di mana seramai 64 orang sahaja atau 32% yang masih mengamalkannya sedangkan seramai 136 orang atau 68% tidak lagi mengamalkan adat tersebut. Demikian juga dengan adat melaik-melaik iaitu seramai 132 responden tidak lagi mengamalkan adat ini sementara 68 orang atau 34% masih mengamalkannya sehingga kini.

Daripada rajah di atas juga, dapat dilihat bahawa masih ramai responden yang mengadakan kenduri slametan puput puser ketika bayi tanggal pusat iaitu seramai 140 orang responden atau 70% berbanding 60 orang responden atau 30% tidak lagi mengadakan slametan tersebut. Manakala dalam upacara tedhak siten atau turun-tanah pula pulang responden yang mengamalkan adat ini adalah sedikit iaitu seramai 56 orang atau 28% sahaja sedangkan seramai 144 orang responden atau 72%

¹⁰⁶ Rujuk Lampiran A, Bahagian D, Soalan no. 1

tidak lagi mengamalkannya. Hasil daripada kajian ini juga, dapat dilihat masih ramai responden yang mengadakan slametan jenang abrit ketika berkhatan iaitu serama 156 orang atau 78% berbanding 44 orang atau 22% tidak lagi mengadakannya.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, penulis mendapati masih ramai responden yang mengadakan beberapa kenduri slametan sempena menyambut kelahiran bayi seperti slametan mitoni, slametan puput puser dan slametan jenang abrit. Manakala beberapa adat tradisional Jawa lain seperti lek-lekan, melaik-melaik dan upacara tedhak siten semakin kurang diamalkan oleh responden yang berketurunan Jawa di Batu Pahat.

Mengadakan kenduri slametan atau kenduri doa selamat adalah menjadi suatu kelaziman dalam masyarakat Jawa terutamanya ketika mendapat cahayamata. Walaupun hanya sekadar membuat bubur merah putih atau *bubur abang* yang lazim dibuat sewaktu menyambut hari kelahiran. Dengan mengadakan slametan seperti ini diharapkan keburukan akan terhindar¹⁰⁷.

Dalam kenduri slametan biasanya akan diadakan majlis berzanji dan marhaban serta bacaan doa selamat. Bagi majlis slametan yang besar seperti potong jambul biasanya akan diadakan dalam dua sesi iaitu pada waktu siang oleh kaum wanita dan pada waktu malam oleh kaum lelaki. Pengasingan waktu ini dibuat adalah kerana memandangkan kaum lelaki yang sibuk keluar bekerja pada waktu siang.

¹⁰⁷ Wawancara dengan En. Nazri b. Soodiqin (pend. Kg. Pt. Yaani) di rumahnya pada 23hb. Oktober 2003, 10 pagi.

Setiap tetamu yang hadir ke majlis ini akan dihidangkan dengan nasi ambeng dan setelah selesai majlis, tuan rumah akan memberikan bunga telur atau duit kepada kumpulan marhaban yang dijemput. Mereka juga akan dibekalkan dengan nasi berkat bersama tetamu-tetamu lain untuk dibawa pulang¹⁰⁸.


Dalam meneliti adat istiadat tradisional yang diamalkan oleh masyarakat Jawa di Batu Pahat ini, penulis mendapati kebanyakan amalan yang diamalkan adalah berlandaskan kepada amalan-amalan yang dituntut dalam Islam terutamanya adat-adat ketika menyambut kelahiran bayi.

Dalam rajah di bawah menunjukkan bahawa masyarakat Jawa di Batu Pahat tetap melaksanakan amalan-amalan yang dituntut dalam Islam walaupun terdapat sebahagian kecil daripada kelompok masyarakat ini yang tidak melaksanakannya kerana kurang pemahaman dan penghayatan ajaran Islam

¹⁰⁸ Wawancara dengan Puan Halizah bt. Mohd. Salleh (pend. Kg. Pt. Tengah) di rumahnya pada 24 hb. Oktober 2003, 11 pagi.

Rajah 4.16: Amalan-Amalan Menyambut Kelahiran Dalam

Islam¹⁰⁹



Sumber: Borang Kaji Selidik

Berdasarkan rajah berikut, seramai 178 orang atau 89% responden mengucapkan tahniah di atas berita gembira menyambut kelahiran bayi di kalangan keluarga dan sahabat handai. Manakala seramai 22 orang atau 11% lagi tidak mengucapkannya. Kesemua responden telah memberikan jawapan mereka telah menyerukan azan dan iqāmah sebaik sahaja bayi dilahirkan manakala seramai 120 orang atau 60% daripada responden telah melakukan tahniq sebaliknya seramai 80 orang atau 40% tidak melakukannya dengan alasan tidak pernah dilakukan oleh ahli keluarga mereka sebelum ini dan ada yang mengakui tidak pernah mendengar tahniq sebelum ini.

Mencukur rambut bayi juga merupakan amalan yang sangat dituntut dalam Islam kerana mempunyai hikmat dan kelebihan dari sudut kesihatan dan kemasyarakatan seperti yang telah diuraikan dalam bab dua sebelum ini. Seramai 170 orang atau 85% daripada responden telah melaksanakan amalan yang dituntut ini

¹⁰⁹ Rujuk Lampiran A, Bahagian B, Soalan no. 5.

manakala seramai 30 orang atau 15% responden tidak melaksanakannya. Demikian juga dengan amalan mengadakan 'aqiqah ke atas anak-anak adalah suatu amalan yang dituntut disamping melahirkan rasa kesyukuran dan sebagai latihan umat Islam untuk berkorban. Dalam rajah di atas, seramai 172 orang atau 86% responden telah mengadakan kenduri 'aqiqah sementara 28 orang atau 14% tidak melaksanakannya.

Walaupun masyarakat Jawa di Batu Pahat mulai meninggalkan adat-adat tradisional Jawa ketika menyambut kelahiran, mereka masih mengekalkan beberapa adat yang diyakini tidak bercanggah dengan ajaran Islam seperti mengantikan adat melenggang perut dengan bacaan al-Qur'an daripada surah Luqmān dan do'a Yaasin yang dibaca beramai-ramai bersama-sama kumpulan qira'ah kampung. Kenduri do'a selamat dan solat hajat juga diadakan untuk memohon keselamatan ibu dan anak yang bakal dilahirkan¹¹⁰.

4. Adat-Istiadat Kematian Masyarakat Jawa Di Batu Pahat

Sebagai agama yang lengkap lagi sempurna, Islam telah mengaturkan adab-adab yang perlu diikuti apabila ada kematian. Dalam kajian penulis berhubung perlaksanaan adat-istiadat masyarakat Jawa dalam kematian di Batu Pahat, penulis mendapati adat-adat tradisional Jawa semakin ditinggalkan kerana banyak mengandungi unsur-unsur khurafat dan mensyirikkan Allah S.W.T. Penulis juga telah mengkaji apakah amalan-amalan yang biasa dilakukan dalam masyarakat Jawa Batu Pahat dengan memfokuskan amalan kebiasaan yang dilakukan oleh masyarakat Jawa pada masa kini.

¹¹⁰ Wawancara dengan Puan Juwairiah bt. Sa'yon, op. cit.

4.1 Mengucapkan Takziah

Antara amalan yang disunatkan dalam Islam apabila ada kematian ialah mengucapkan takziah kepada keluarga simati serta menziarahi jenazah pada hari kematianya. Penulis telah menjalankan kajian ke atas masyarakat Jawa di Batu Pahat terhadap amalan ini ketika ada kematian di kalangan saudara mara dan jiran-jiran mereka.

Jadual 4.17: Mengucapkan Takziah Di Hari Kematian¹¹¹

Jawapan	Bilangan Responden	Peratus
1. Ya	194 orang	97%
2. Tidak	6 orang	3%
Jumlah	200 orang	100%

Sumber: Borang Kaji Selidik


Berdasarkan jadual di atas, masyarakat Jawa di Batu Pahat sangat mengambil berat tentang amalan mengucapkan takziah di hari kematian di mana seramai 194 responden atau 97% memberikan jawapan “ya” sementara hanya 6 orang atau 3% sahaja yang memberikan jawapan “tidak”. Mereka berpendapat dengan memberikan ucapan takziah, ianya dapat mengurangkan rasa dukacita dan sedih terhadap saudara mara simati.

¹¹¹ Rujuk Lampiran A, Bahagian C, Soalan no. 1.

4.2 Menziarahi Jenazah

Menziarahi jenazah pada hari kematian juga adalah sangat dituntut dalam Islam disamping dapat membantu keluarga simati dalam pengurusan jenazah ianya juga dapat menenangkan serta menghiburkan hati keluarga simati kerana kehilangan orang yang dikasih. Rajah di bawah menunjukkan bilangan responden masyarakat Jawa di Batu Pahat yang menziarahi jenazah pada hari kematian.

Rajah 4.18: Menziarahi Jenazah Pada Hari Kematian¹¹²



Sumber: Borang Kaji Selidik

Berdasarkan rajah berikut, seramai 116 orang responden atau 58% telah menziarahi jenazah pada hari kematian manakala seramai 74 orang atau 37% pula menziarahi jenazah sekiranya mereka mempunyai kelapangan pada hari tersebut. Sementara seramai 10 orang responden atau 5% sahaja yang tidak menziarahi jenazah pada hari kematian tanpa memberikan sebarang sebab.

¹¹² Rujuk Lampiran A, Bahagian C, Soalan no. 2.

Anggota masyarakat adalah memainkan peranan besar dalam menguruskan hal-hal yang melibatkan kematian kerana ianya adalah termasuk dalam fardu kifayah. Justeru itu, apabila berita kematian disebarkan kebiasaannya ahli JKK kampung akan mengadakan mesyuarat untuk membuat pembahagian tugas. Segala urusan pembiayaan untuk pengebumian jenazah akan mendapat peruntukan daripada duit khairat kematian.¹¹³ Amalan masyarakat Jawa di Batu Pahat ini adalah merupakan sebahagian daripada perlaksanaan tuntutan fardu kifayah selain daripada mengeratkan hubungan persaudaraan sesama mušlim.

4.3 Kenduri Arwah

Jika dilihat kepada amalan masyarakat kita pada hari ini, kebiasaannya keluarga simati akan memberikan wang kepada orang-orang yang hadir untuk menyembahyangkan jenazah, membaca al-Qur'an dan bertaḥlil. Demikian juga amalan ini turut menjadi kebiasaan dalam masyarakat Jawa di Batu Pahat iaitu dengan memberikan wang, kain batik, makanan dan sebagainya mengikut kemampuan sebagai tanda penghargaan di atas pertolongan yang diberikan dalam pengurusan jenazah. Meskipun amalan ini bukanlah suatu amalan yang menjadi tuntutan dalam agama, ianya tidak salah untuk diberikan selagi tidak memberati atau membebankan keluarga serta waris simati.

Pada kebiasaannya apabila ada kematian keluarga simati akan mengadakan majlis atau kenduri arwah dengan menjemput seluruh ahli keluarga yang dekat mahupun yang jauh untuk membaca al-Qur'an, bertaḥlil dan sebagainya untuk

¹¹³ Wawancara dengan En. Zakaria b. Hj. Rohani, (Pengerusi JKKA Pt. Tengah) di rumah beliau pada 19hb. Oktober 2003, 6.10 ptg.

dihadiahkan kepada arwah simati. Bagi masyarakat Jawa di Batu Pahat, kebiasaannya majlis bertahlil akan diadakan di rumah simati selama enam hari berturut-turut manakala pada malam yang ke-7 akan diadakan di masjid. Kenduri do'a selamat juga akan diadakan pada hari ke - 40 dan ke-100 kematian samada di rumah ataupun di masjid.

Jadual 4.19: Majlis Kenduri Arwah¹¹⁴

Jawapan	Bilangan Responden	Peratus
1. Rumah simati	192 orang	96%
2. Masjid atau surau	8 orang	4%
Jumlah	200 orang	100%

Sumber: Borang Kaji Selidik

Daripada jadual di atas, seramai 192 orang atau 96% responden telah mengadakan majlis kenduri arwah di rumah mereka sementara hanya 8 orang sahaja atau 4% daripada responden yang mengadakannya di masjid atau di surau.


Islam sangat menggalakkan berbuat kebajikan seperti bersedekah, memberi makan dengan mengundang orang ke rumah dengan tujuan silaturrahim, membaca al-Qur'an dan berdo'a beramai-ramai memohon rahmat bagi arwah simati. Maka dari sudut ini, mengadakan majlis kenduri arwah adalah suatu perbuatan yang baik dan digalakkan dalam Islam.

¹¹⁴ Rujuk Lampiran A, Bahagian C, Soalan no. 4.

4.4 Berkabung

Di dalam kajian ini juga, penulis cuba mendapatkan maklumat berhubung amalan berkabung di kalangan ahli keluarga yang ditimpa musibah kematian. Walaubagaimanapun, penulis terlebih dahulu mendapatkan pemahaman mereka terhadap konsep berkabung menurut Islam. Pemahaman mereka dapat dilihat melalui rajah berikut;

Rajah 4.20: Konsep Berkabung Menurut Islam¹¹⁵



Sumber: Borang Kaji Selidik

Dalam rajah berikut, seramai 110 orang atau 55% responden memberikan jawapan faham terhadap konsep berkabung menurut perspektif Islam manakala seramai 86 orang atau 43% daripada responden yang dikaji mengatakan kurang faham sementara yang selebihnya mengakui mereka tidak memahaminya.

¹¹⁵ Rujuk Lampiran A, Bahagian C, Soalan no. 5.

Untuk memenuhi tuntutan berkabung ini, Islam telah menentukan cara melaksanakannya iaitu dengan meninggalkan apa jua perkara yang mempunyai unsur-unsur yang dianggap sebagai berhias di sepanjang tempoh ‘iddah mereka. Dalam hal ini, Rasulullah S.A.W telah menggariskan cara tuntutan berkabung yang dikehendaki dalam Islam. Untuk melihat perlaksanaan amalan berkabung di kalangan masyarakat yang dikaji, penulis telah membuat kajian ini dan hasilnya dinyatakan dalam jadual di bawah:

Jadual 4.21: Perlaksanaan Berkabung¹¹⁶

Jawapan	Bilangan Responden	Peratus
1. Ya	120 orang	60%
2. Tidak	80 orang	40%
Jumlah	200 orang	100%

Sumber: Borang Kaji Selidik


Daripada jawapan yang diberikan oleh responden, didapati seramai 120 orang atau 60% daripada mereka melaksanakan amalan berkabung sekiranya ada kematian di kalangan ahli keluarga manakala seramai 80 orang responden atau 40% tidak melaksanakan amalan ini.

¹¹⁶ Rujuk Lampiran A, Bahagian C, Soalan no. 6.

4.5 Adat-Istiadat Tradisional Jawa Dalam Kematian

Dalam kajian ini juga, penulis turut mengkaji amalan adat tradisional Jawa dalam kematian yang mungkin tidak diamalkan oleh masyarakat Islam yang lain di negara ini. Beberapa adat tradisional tersebut dinyatakan dalam rajah di bawah:

Rajah 4.22: Adat Istiadat Tradisional Jawa Dalam Kematian¹¹⁷



Sumber: Borang Kaji Selidik

Berdasarkan rajah berikut, jelas menunjukkan segelintir daripada masyarakat Jawa di Batu Pahat masih lagi mengekalkan adat tradisional Jawa dalam kematian. Menabur beras kunyit di atas keranda adalah merupakan salah satu daripada adat tradisional Jawa dalam kematian namun masih terdapat sebahagian daripada responden yang masih lagi melaksanakannya iaitu seramai 26 orang atau 13% responden. Manakala seramai 174 orang lagi atau 87% tidak melakukan adat ini kerana menganggap ianya merupakan perbuatan yang dilarang dalam Islam.

¹¹⁷ Rujuk Lampiran A, Bahagian D, Soalan no. 3.

Sedhekah Mendhak Kapingkalihi diadakan bagi memperingati hari kematian simati yang telah meninggal selama 730 hari ataupun 2 tahun. Daripada kajian yang dijalankan, masih ramai dari kalangan masyarakat Jawa di Batu Pahat yang mengamalkannya sehingga kini iaitu seramai 122 orang atau 61% manakala seramai 78 orang atau 38% tidak lagi mengamalkannya. Sedhekah Nyeru pula diadakan setelah hari kematian genap 1,000 hari. Seramai 106 orang responden atau 53% daripada masyarakat Jawa di Batu Pahat mengadakan Sedhekah Nyeru pada hari ke-1,000 kematian sementara seramai 94 orang atau 47% tidak lagi melaksanakan sedhekah ini.

Bagi masyarakat Jawa umumnya, Sedhekah Ngesah akan diadakan sekali sahaja bagi memperingati kematian anak kecil. Dalam kajian yang dijalankan, penulis mendapati adat ini masih lagi diamalkan oleh majoriti masyarakat Jawa di Batu Pahat. Seramai 116 orang atau 58% responden yang dikaji masih lagi mengamalkan adat ini manakala 84 orang responden ataupun 42% daripada masyarakat ini tidak melaksanakan adat tersebut.

Dalam masyarakat Jawa, Sadranan adalah merupakan hari menziarahi pusara kaum keluarga atau saudara mara yang telah lama meninggal dunia. Ianya merupakan salah satu rangkaian peristiwa penting bagi orang Jawa di mana setiap orang akan melaksanakannya. Daripada kajian yang dibuat ke atas masyarakat Jawa di Batu Pahat ini, seramai 168 orang atau 84% responden masih mengamalkannya sehingga kini manakala hanya 32 orang atau 16% sahaja daripada masyarakat yang dikaji tidak melaksanakan amalan tradisional ini.

Daripada data-data yang telah dikemukakan di atas, secara keseluruhannya dapat dibuat kesimpulan bahawa majoriti masyarakat Jawa di Batu Pahat masih lagi berpegang kepada adat tradisional Jawa lama yang tidak bercanggah daripada kacamata Islam. Sementara adat-adat Jawa lama yang dianggap mengelirukan dan menyelewengkan 'aqidah Islamiyyah tidak lagi diamalkan secara keseluruhannya meskipun hanya segelintir sahaja yang terus melaksanakannya sehingga kini.